S.P.T.	89/26-4-73	5,698	" " ...	25-4-74
D.T.L. & D.B.D.	90/26-4-73	2,120	Kegunaan Umum, Kediaman dan Perindustrian dan Jalan Raya dan Bangunan-bangunan Kerajaan	25-4-74
S.P.U. & S.P.T.	107/10-5-73	100	Jalan Raya Persekutuan Route I	9-5-74
		94,441		

Bilangan lot-lot yang sebenarnya telah diambilmilik, samada semuanya atau sebahagian, ialah 2149 lot mengandungi jumlah keluasan lebih kurang 4,550 ekar. Adalah tidak mungkin hendak diberi pecahan bilangan mengikut Mukim-Mukim sebab ada 81 mukim dan 16 kawasan tanah pekan dalam Negeri ini. Pecahan bilangan-bilangan mengikut daerah-daerah adalah seperti berikut:

TANAH-TANAH DI BAWAH SEKSYEN 8, AKTA PENGAMBILANMILIK

TANAH, 1960

BILANGAN PEGANGAN

			TAHUN					Jumlah
<i>Daerah</i>			1969	1970	1971	1972	1973	
Timur Laut ...	...	...	14	3	170	13	4	204
Balik Pulau ...	...	...	119	51	162	97	29	458
Butterworth ...	...	...	148	254	115	117	59	693
Bukit Mertajam ...	...	...	94	75	272	34	227	702
Nibong Tebal ...	...	...	22	60	4	6	—	92
Jumlah ...			397	443	723	267	319	2,149

LEBIHKURANG KELUASAN YANG DIAMBILMILIK

(dalam ekar)

TAHUN

<i>Daerah</i>	1969	1970	1971	1972	1973	<i>Jumlah</i>
Timur Laut	2	1	243	66	3	315
Balik Pulau	8	457	320	812	174	1,771
Butterworth	34	96	124	62	427	743
Bukit Mertajam	125	1,116	100	37	241	1,619
Nibong Tebal	17	43	3	39	—	102
Jumlah	186	1,713	790	1,016	845	4,550

Daripada 4,550 ekar, tanah yang berkenaan itu adalah:

(a) Kawasan Perindustrian Bagan Serai 1,419 ekar 2 rod 14 pol. ...	1,420 ekar
(b) Lapangan terbang 317 ekar	317 ekar
(c) Kementerian-kementerian 449 ekar 2 rod 33.82 pol. ...	450 ekar
Jumlah	2,187 ekar

Baki 2363 ekar adalah semata-mata untuk projek-projek seumpama untuk kawasan Universiti, Kawasan-kawasan penempatan semula untuk setinggan-setinggan melebarkan jalan, meletakkan paip-paip air dan sebagainya.

4. Lebih kurang 90 ekar tanah dasar laut dalam Bukit Mertajam dan 30 ekar dalam Nibong Tebal telah diberi lesen untuk pemeliharaan kerang. Hasil yang dikutip daripada kawasan-kawasan ini ialah sebanyak \$5,700.00 setahun. Kadar bayaran untuk Bukit Mertajam ialah sebanyak \$60.00 seekar dan Nibong Tebal \$10.00 seekar. Kadar yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Tanah ialah \$10.00 seekar setahun. Kadar yang lebih tinggi untuk Bukit Mertajam adalah disebabkan kawasan-kawasan itu diberi tawaran.

5. (a) Kerajaan Negeri tidak menengalkan projek Jabatan Bukit Bendera ini.

- (b) Tindakan sedang diambil bagi melaksanakan perkara-perkara berikut—

- (i) memasang 4 gerabak-gerabak baru yang dibina secara moden daripada logam campuran yang ringan, dengan keupayaan mengangkat 80 orang tiap-tiap satu.

- (ii) membina peletfom pada kedua-kedua bahagian jalan keretapi di stesyen-stesyen untuk menghindarkan kesesakan pusingan penumpang-penumpang di waktu-waktu kemuncaknya.

dengan tujuan mengurangkan kesesakan penumpang di keretapi-keretapi itu.

6. Semenjak Ogos, 1969, apabila Jawatankuasa Pelaburan modal melawat Pulau Pinang, Y.A.B. Ketua Menteri telah mendesak supaya melaksanakan segera cadangan pembinaan sambungan ke atas lapangan terbang Pulau Pinang. Sejak dari tarikh itu beberapa rundingan telah diadakan antara Kerajaan Negeri dan Pusat mengenai cadangan sambungan kepada lapangan terbang Bayan Lepas.

Pengarah Tanah dan Galian telah menulis sepucuk surat kepada Kementerian Pengangkutan pada 11hb Mei, 1973 meminta Kementerian tersebut mengesahkan pelan sambungan tersebut dengan secepat mungkin supaya masalah pembayaran pampasan kepada orang-orang yang terlibat dapat diselesaikan seberapa segera yang boleh.

Kawasan tersebut telah diletakkan di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 18hb Februari, 1972, P.W.K. 34.

7. Jawatankuasa Negeri dilantik oleh Kerajaan Negeri sehingga tarikh 9-5-73 adalah seperti berikut:

Jawatankuasa menguntukkan dan menetapkan kadar sewa rumah-rumah Kerajaan—

Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, A.M.N., J.P.
(Pengerusi)

Y.B. Encik Wong Choong Woh
Y.B. Encik S. P. Chelliah, J.P.
Setiausaha Kerajaan
Pegawai Kewangan Negeri

Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri—

Y.B. Setiausaha Kerajaan
(*Pengerusi*)
Ketua-ketua Jabatan yang
berkenaan
Pegawai Kemajuan Negeri
(*Setiausaha*)

Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri—

Y.B. Setiausaha Kerajaan
(*Pengerusi*)
Ketua Pegawai Polis
Pegawai Pemerintah Tentera—
Markas 6
Pegawai Penerangan Negeri

Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri—

Pegawai Kemajuan Negeri
(*Pengerusi*)
Ketua-ketua Jabatan

Jawatankuasa Penyeleraan Pekerjaan dan Buruh—

Y.B. Encik Wong Choong Woh
(*Pengerusi*)
Y.B. Encik Khoo Kay Por
Y.B. Encik S. P. Chelliah
Y.B. Encik D. C. Stewart
Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah
Encik Malik bin Som
Encik Lim Ee Heong
Encik A. Ramiah
Pengarah Perhubungan Industri, Pulau Pinang.
Pengurus, Pertukaran Pekerjaan, Pulau Pinang.
Pengurus, Pertukaran Pekerjaan, Seberang Perai.
Pengarah Buruh/Wakil

Jawatankuasa Kecekapan, Perhubungan Baik Dan Pengaduan-pengaduan—

Y.B. Encik Ooh Chooi Cheng,
J.P. (*Pengerusi*)
Y.B. Encik Teh Ewe Lim
Y.B. Encik Tan Gim Hwa
Setiausaha Kerajaan

Jawatankuasa Pembangunan Perumahan Negeri—

Y.B. Encik Wong Choong Woh
(*Pengerusi*)
Y.B. Encik D. C. Stewart
Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah
Penasihat Undang-undang Negeri
Y.B. Tuan Haji Ahmad bin
Haji Abdullah, A.M.N., J.P.
Y.B. Tuan Haji Mohd. Nor
bin Haji Bakar, J.P.
Y.B. Encik Khoo Kay Por

Jawatankuasa Penasihat Keretapi Bukit Bendera—

Y.B. Encik S. P. Chelliah
(*Pengerusi*)
Y.B. Encik D. C. Stewart
Y.B. Encik Khoo Teng Chye
Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah
Setiausaha Kerajaan (atau
wakil)
Pengarah, Jabatan Kerja Raya,
Pulau Pinang
Pengurus, Keretapi Bukit Bendera

Jawatankuasa Penasihat atas Penyenggaraan dan Pentadbiran Dewan Sri Pinang—

Y.B. Encik Tan Gim Hwa
(*Pengerusi*)
Y.B. Encik Khoo Kay Por
Y.B. Encik Khoo Teng Chye
Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah

Jawatankuasa untuk Pemberian Babi, Kambing dan lain-lain Binatang kepada Penternak-penternak—

Y.B. Encik Teh Ewe Lim
(*Pengerusi*)
Y.B. Encik S. P. Chelliah
Y.B. Encik D. C. Stewart
Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah
Y.B. Encik Ooi Ah Bee
Y.B. Encik Wong Choong Woh
Pegawai Haiwan Negeri

Jawatankuasa Perayaan Negeri—

Y.B. Encik Harun bin Sirat
(*Pengerusi*)
Y.B. Encik Teh Ewe Lim
Y.B. Tuan Haji Mohd. Nor bin
Haji Bakar
Y.B. Tuan Haji Abdul Kadir
bin Haji Hassan
Y.B. Encik V. Veerappen
Y.B. Encik Mustapha bin
Hussain
Y.B. Encik Yeap Ghim Guan

Jawatankuasa Tanah—

Y.B. Encik Ooh Chooi Cheng,
J.P. (*Pengerusi*)
Y.B. Encik Teh Ewe Lim
Y.B. Encik Tan Gim Hwa
Y.B. Encik S. P. Chelliah
Y.B. Encik Ismail bin Hashim,
J.P.
Pengarah Tanah dan Galian

Jawatankuasa Pertukaran Penuntut-penuntut—

Y.B. Encik Ooi Ah Bee
(*Pengerusi*)
Y.B. Encik D. C. Stewart

Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah
Y.B. Encik Ismail bin Hashim
Ketua Pegawai Pelajaran atau wakil

Jawatankuasa untuk Rancangan Perumahan di Tanjong Tokong—

Y.B. Encik Tan Gim Hwa
(*Pengerusi*)

Setiausaha Kerajaan
Pengarah Tanah dan Galian
Pengarah Perancang Bandar dan Kampung
Setiausaha, Perbadanan Pembangunan, Pulau Pinang

Penukaran Nama-nama Bandar, Tempat-tempat dan Jalan Pekan dan Lain-lain—

Y.B. Encik S. P. Chelliah
(*Pengerusi*)

Y.B. Encik Wong Choong Woh
Y.B. Encik Ismail bin Hashim
Setiausaha Kerajaan
Pengarah Tanah dan Galian

Jawatankuasa Penyatuan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan—

Y.B. Encik Teh Ewe Lim
(*Pengerusi*)

Encik Wong Choong Woh
Y.B. Encik S. P. Chelliah
Y.B. Encik Ismail bin Hashim
Setiausaha Kerajaan
Penasihat Undang-undang Negeri
Pegawai Kewangan Negeri

Jawatankuasa Sementara (AD HOC) Mengenai Masaalah Setinggan-setinggan—

Y.A.B. Ketua Menteri (*Pengerusi*)

Y.B. Encik Teh Ewe Lim
Y.B. Encik Ismail bin Hashim, J.P.
Pengarah Tanah dan Galian

Jawatankuasa Memperakukan Elaun-elaun untuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Tuan Speaker dan Y.A.B. Ketua Menteri—

Setiausaha Kerajaan (*Pengerusi*)

Penasihat Undang-undang Negeri

Pegawai Kewangan Negeri

Jawatankuasa Mengawal Perancangan dan Pembangunan—

Y.A.B. Ketua Menteri (*Pengerusi*)

Y.B. Timbalan Ketua Menteri
Y.B. Encik Ismail bin Hashim, J.P.

Setiausaha Kerajaan

Penasihat Undang-undang Negeri

Pegawai Kewangan Negeri

Pengarah Tanah dan Galian

Pengarah Perancang Bandar dan Kampung

Pegawai Kemajuan Negeri

8. Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan-perbincangan permulaan dengan Syarikat-syarikat Bas tempatan, Majlis Bandaraya dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan tujuan kemungkinan menubuhkan sesuatu Konsortium Pengangkutan Negeri (State Transport Consortium) yang sebenarnya akan bererti penyatuan semua Syarikat-syarikat Pengangkutan yang ada sekarang di dalam Negeri untuk menjadi satu badan pengangkutan yang bersatu.
9. Jumlah yang telah dibelanjakan untuk Pesta Pembangunan di Sungei Ara baru-baru ini ialah \$82,200.00. Adalah dicadangkan bahawa sekurang-kurangnya satu lagi pesta akan diadakan pada tahun ini di Seberang Perai.
10. Setakat ini Majlis Penyelaras telah mengadakan mesyuarat dua kali dan Jawatankuasa Perunding empat kali. Kesemua mesyuarat-mesyuarat tersebut telah diadakan di Bangunan Tuanku Syed Putra. Semua mesyuarat telah dihaziri oleh ahli-ahli dari badan-badan berikut—

AHLI-AHLI MAJLIS PENYELARAS

- | | |
|--|---------------------------|
| 1. Tun Tan Siew Sin. S.S.M., J.P. | <i>Pengerusi</i> (M.C.A.) |
| 2. Y.A.B. Dr Lim Chong Eu | Gerakan |
| 3. Encik Albert Lee Him | Gerakan |
| 4. Y.B. Encik Oh Siew Aun, J.P. | Gerakan |
| 5. Encik Khalid Ahmad | U.M.N.O. |
| 6. Encik Shamsuri bin Haji Salleh | U.M.N.O. |
| 7. Encik Sam Ah Chow | M.C.A. |
| 8. Dr Ling Liong Sih | M.C.A. |
| 9. Encik S. Murugesu (si-mati) | M.I.C. |
| 10. Encik Annuar bin Datuk Eusoff | <i>Pengerusi</i> |

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERUNDING

1. Y.A.B. Dr Lim Chong Eu	Pengerusi (Gerakan)
2. Y.B. Encik Khoo Teng Chye	Gerakan
3. Encik Lim Ee Heong	Gerakan
4. Y.B. Datuk Tuan Syed Hassan Aidid, J.M.P.N., J.M.N., P.J.K., J.P.	U.M.N.O.
5. Encik Ismail Idris, J.P.	U.M.N.O.
6. Encik Geh Chong Keat, K.M.N.	M.C.A.
7. Encik Lee Jong Ki	M.C.A.
8. Encik S. Murugesu, J.M.N., P.J.K., J.P. (si-mati) ...	M.I.C.

Mesyuarat Majlis Penyelaras telah dihadziri oleh Pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan iaitu—

Encik Chong Hon Nyan	Ketua Setiausaha, Perbendaharaan Persekutuan
Encik Wong Yoke Meng	Setiausaha, Bahagian Kewangan, Perbendaharaan Persekutuan
Encik Ramli bin Mat Wajib	Bahagian Cukai, Perbendaharaan Persekutuan

Tidak ada Pegawai-pegawai Negeri yang terlibat dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding.

Ketua Menteri telah memberi penerangan ringkas dalam mesyuarat-mesyuarat di atas rancangan yang dijangka akan dijalankan dan yang sedang dijalankan di dalam Negeri ini.

(III) Ahli Kawasan Sungei Bakap (Encik V. Veerappen) bertanya Ketua Menteri:

1. Nyatakan kemajuan yang telah dicapai dalam Pembangunan Kawasan Pusat Bandaraya bagi Georgetown.
2. Nyatakan bilangan Pusat-pusat Pemilihan Babi yang akan ditubuhkan di Negeri ini dan tempat-tempat letaknya pusat-pusat ini.
3. Nyatakan samada Kerajaan telah mengambil sebarang keputusan mengenai usaha mengelokkan dan membangunkan Perkampungan Baru Wellesley di Seberang Perai.
4. Nyatakan apakah kemajuan, jika ada, yang telah dicapai berkenaan dengan penyambungan paip-paip air ke kampung-kampung di Pulau Batu Kawan dan samada sebagai langkah sementara Kerajaan akan memasang pili-pili air dari bekalan air yang diberi kepada Ladang itu.
5. Nyatakan samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja I.M.G. dari Perkhidmatan Negeri yang telah dipinjamkan kepada Badan-badan Berkanun belum lagi ditempatkan dalam perjawatan berpecen. Jika sedar, apakah kedudukan mereka?
6. Nyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan demi menubuhkan Lembaga-lembaga Parit bagi Ladang Transkrian dan Batu Kawan.

7. Nyatakan bilangan kilang-kilang yang telah ditubuhkan di—

- (a) Kompleks Perusahaan Prai;
- (b) Kawasan Perusahaan Bagan Serai.

8. Nyatakan rancangan-rancangan beliau untuk pembandaran desa dan penyebaran perusahaan-perusahaan ke kawasan-kawasan luar bandar seperti Sungei Bakap, Nibong Tebal, Kepala Batas, Macang Bubuk dan sebagainya.
9. Nyatakan rancangan-rancangan beliau untuk membangunkan dan memperelokkan kampung Tanjong Tokong.
10. Nyatakan mengapakah terdapat kelewatan bagi beliau memberi jawapan-jawapan kepada soalan-soalan mulut yang tidak sempat dijawab semasa waktu bersoal di dalam Dewan dan samada beliau akan mengeluarkan jawapan-jawapan itu selewat-lewatnya pada hari kedua tiap-tiap mesyuarat.
11. Nyatakan samada penanaman halia telah dijalankan di Kawasan Bagan Serai. Jika ada kawasan manakah yang ditanamkan? Berapa banyak halia yang dipungut, dan berapakah jumlah hasil yang diperolehi dari jualan-jualannya jika ada?
12. Nyatakan apakah terjadi kepada pembinaan Jalan Bukit yang dicadangkan ke Bukit Bendera.

Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri sedang berunding dengan Kerajaan Pusat untuk mendapatkan bantuan kewangan yang diperlukan dan bagi menjalankan aspek-aspek pembangunan bersama berkaitan dengan Pembangunan Pusat Bandaran Pulau Pinang di dalam Kawasan Bandaraya.
2. Penyiasatan sekarang sedang dijalankan untuk mencari tempat-tempat yang sesuai bagi mengadakan pemusatan-pemusatan ladang babi. Oleh itu tidaklah dapat diberitahu buat masa ini bilangan dan juga kawasan-kawasan di mana rancangan pemusatan babi ini akan ditubuhkan. Buat masa ini jumlah babi di dalam Negeri ini ialah 169,800 dibahagikan kepada 4,185 ladang babi. Adalah dikira bahawa untuk mengawal penyakit dan juga lain-lain sebab, pemeliharaan babi lebih dari 10,000 ekor tidak dibenarkan dalam jarak 1 batu antara satu kawasan dengan yang lain. Oleh yang demikian rancangan pemusatan babi hendaklah diatur dengan teliti, memberi pertimbangan terhadap penempatan pengeluaran-pengeluaran dan juga langkah untuk menggabungkan rancangan-rancangan seperti itu dengan industri-industri yang berkaitan dengannya.

Kerajaan telah memusatkan ladang babi di Batu Maung, Paya Terubung dan satu kawasan telah disediakan di Bukit Minyak. Kawasan-kawasan lain sedang disiasat. Sebuah 'pig multiplication centre' telahpun dipusatkan di Juru.

3. Kampung Baru Wellesley adalah terletak di atas tanah persendirian dan dengan itu tidaklah dapat dibelanjakan wang rakyat bagi memperbaiki atau memajukannya.

Jawatankuasa yang dilantik untuk mengkaji perkara ini telah mengemukakan laporannya yang sekarang sedang giat dipertimbangkan.

4. Masalah perbekalan air ke Pulau Batu Kawan dan juga masalah perbekalan air ke kawasan-kawasan di mana perigi-perigi menjadi kering semasa musim kemarau adalah diberi pertimbangan yang berat oleh Pihak Berkuasa Air.
5. Saya adalah sedar dan tindakan sedang diambil untuk meletakkan mereka ke dalam perjawatan berpecen.
6. Tidak ada tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Parit yang berasingan bagi Trans Krian Estate dan Batu Kawan kerana tidak ada

perbelanjaan modal yang telah dibuat untuk parit-parit di dalam kawasan-kawasan itu.

7. (a) Di dalam Kompleks Perusahaan Perai 10 buah kilang-kilang telahpun dijalankan, 8 buah sedang dibina dan 28 buah diluluskan untuk dibina.
- (b) Di dalam Kawasan Perusahaan Bagan Serai, 3 buah kilang-kilang telah diluluskan untuk dibina.
8. Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan satu dasar perindustrian luar bandar yang akan memajukan perbandaran di luar bandar. Konsep-konsep ini berasaskan cadangan untuk mengujudkan dua pusat-pusat bandar baru di kawasan Bayan Lepas di Pulau ini dan di Kawasan Bagan Serai di Seberang Perai. Pelan-pelan telahpun disediakan untuk penubuhan bandar-bandar baru ini yang akan termasuk kemudahan-kemudahan bagi pentadbiran, perindustrian, perumahan dan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan kediaman. Peringkat pertama perumahan yang melibatkan 250 yunit pada tiap-tiap satunya di kedua-dua kawasan ini akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Mengenai pertaburan perindustrian-perindustrian, Kerajaan Negeri akan menggalakkan penubuhan perindustrian-perindustrian khas untuk ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar. Walaubagaimanapun, setakat mana perindustrian-perindustrian dapat digalakkan untuk pergi ke kawasan-kawasan luar bandar bergantung kepada adanya perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur untuk kegunaan perindustrian-perindustrian ini. Oleh yang demikian, dalam menggalakkan perindustrian luar bandar, pertimbangan yang teliti hendaklah dibuat tentang terdapatnya bekalan air, kuasa letrik dan kemudahan perkhidmatan di dalam sesuatu tempat kerana belanja-belanja tertentu adalah terlibat. Adalah menjadi perancangan yang lebih baik lagi bagi ke semua kemudahan-kemudahan infrastruktur ini dipusatkan di suatu kawasan yang tertentu dan hasil dari pusat aktiviti ini, perindustrian-perindustrian bolehlah ditubuhkan dan seterusnya menggalakkan kemajuan-kemajuan umum dijalankan.
- 9. Perancangan bagi pembangunan semula Tanjong Tokong adalah sekarang di dalam peringkat akhir.

Perbadanan Pembangunan Bandar telahpun diminta untuk menjalankan rancangan pembangunan bagi kampung itu. Pembangunan kawasan-kawasan di sekitarnya akan berasaskan usaha bersama antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Bandar.

10. Tidak ada kelewatan dalam memberi jawapan-jawapan yang bertulis kepada soalan-soalan mulut yang tidak dapat dijawab semasa Soal Jawab di dalam Dewan. Jawapan-jawapan ini adalah diedarkan sesudah sahaja ianya disiapkan.

Tidaklah mungkin dapat jawapan-jawapan ini diberikan pada hari kedua Persidangan kerana perlu dijawab sebagai jawapan-jawapan bertulis. Jawapan tersebut perlulah disediakan dan ditaja sebelum ianya dapat diterbitkan. Sedikit sebanyak masa adalah perlu bagi membolehkan kerja-kerja ini dilaksanakan.

Kerajaan akan berusaha mempercepatkan proses ini.

11. Halia telah ditanam berdasarkan percubaan di Bagan Serai. Ini adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelidikan pertanian dan penyelidikan bumi dijalankan. Percubaan-percubaan permulaan tidaklah begitu memuaskan dan penyelidikan masih diteruskan. Tanaman permulaan tidak pernah dibuat di atas dasar perdagangan.
12. Cadangan pembinaan Jalan Bukit Bendera mengikut aliran dari Jalan Selatan adalah sepanjang 12.75 batu dan dianggarkan menelan belanja \$8,546,000.00. Pada permulaannya projek jalan Bukit ini akan dilaksanakan bersama-sama oleh Kementerian Penerangan dan Kerajaan Negeri, di dalam projek yang mana kepentingan Kementerian Penerangan ialah bagi memajukan Bukit Bendera sebagai Setesyen T.V. dan Setesyen Microwave dan pembinaan jalan masuk dengan menggunakan sebahagian daripada jalan aliran dari selatan ke Bukit Bendera.

Tindakan sedang diusahakan untuk meminta bantuan kewangan daripada Perbadanan Malaysia bagi melaksanakan Projek Jalan Bukit ini.

(IV) Ahli Kawasan Balik Pulau (En-cik Abdul Rahman bin Haji Yunus) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. (a) Berapakah perbelanjaan mengadakan Pesta Pembangunan Negeri Pulau Pinang di Sungei Ara?
- (b) Apakah kesan-kesan selepas pesta itu diadakan?

2. Apakah sikap Kerajaan dengan apa yang dinamakan "Tanah Simpanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mukim 'B' dan 'C' daerah Barat Daya sebanyak 400 ekar yang mana telah siap dibina dengan (ban) menahan daripada kemasukan air masin?
3. Tidakkah ada rancangan Kerajaan membawa bekalan air ke mukim Titi Teras, Balik Pulau yang mana telah beberapa kali dibuat rayuan oleh penduduk di situ?
4. Kemanakah akan dibawa setinggag-setinggag dari kampung Jawa dan pengkalan terbang?

Ketua Menteri:

1. (a) Perbelanjaan bagi mengadakan Pesta Pembangunan di Sungei Ara baru-baru ini ialah \$82,200.00.
- (b) Adalah amat sukar bagi menentukan kesan-kesan pesta itu sekarang ini. Tujuan mengadakan Pesta itu ialah untuk menunjukkan rancangan-rancangan dan usaha-usaha Kerajaan dan badan-badannya bagi meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk dan menanamkan pemikiran baru kepada rakyat ke arah yang memberi menafaat kepada mereka. Oleh itu kesan daripada Pesta ini tidak dapat dilihat dalam masa yang singkat kerana ini adalah soal saikologi.
2. Tanah seluas kira-kira 400 ekar itu telah didapatkan kembali (recovered) oleh Jabatan Parit dan Taliair. Kawasan ini sekarang dipenuhi oleh hutan bakau dan dengan sendirinya menjadi sekatan yang semula jadi di antara laut dan benteng yang ada. Kerajaan sekarang sedang menimbangkan kemungkinan memajukan kawasan ini tetapi oleh kerana tanah itu adalah tanah yang dipulehkan daripada laut maka sudah tentu akan mengambil masa sebelum tanah itu boleh dimajukan untuk kegunaan-kegunaan pertanian. Dengan keadaan yang demikian maka permohonan-permohonan untuk menggunakan tanah itu bagi tanaman padi patutlah dipertimbangkan dengan perlahan-lahan berpandukan kepada kesuburan tanah itu.
3. Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang baru saja ditubuhkan. Ianya mahu menimbangkan dengan teliti semua tuntutan yang dibuat bagi mendapatkan keutamaan dalam perbekalan air.

Baru-baru ini satu senarai yang mengandungi 20 nama-nama pemohon dari Kampung Titi Teras untuk mendapatkan bekalan air telah diterima oleh Pihak Berkuasa Air.

Pegawai Daerah Balik Pulau telah diminta oleh Pihak Berkuasa Air membantu perbadanan ini dalam menilai tuntutan mereka iaitu samada atau tidak pemohon-pemohon ini sanggup menanggung perbelanjaan untuk menjalankan kerja-kerja sambungan paip tersebut ke rumah masing-masing. Satu rancangan pinjaman sehingga kejumlah \$150.00 bagi seorang pengguna itu mungkin diadakan bagi mereka yang layak mendapatnya.

Satu keputusan mengenai sambungan-sambungan itu akan dibuat setelah segala penyiasatan selesai.

4. Kerajaan telah membuat rancangan-rancangan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang tinggal di kampung Jawa dan di Lapangan Terbang. Dasar pemindahan semula ini adalah menentukan setinggan-setinggan yang terlibat tidak akan ditempatkan semula sebagai setinggan di kawasan-kawasan yang lain tetapi dengan cara membolehkan mereka menjadi sebahagian daripada masyarakat dalam kawasan itu.

(V) Ahli Kawasan Jelutong (Encik Koay Boon Seng) bertanya Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi menganjurkan Perlumbaan Kereta-kereta Motor, 1973 di Pulau Pinang?
2. Berapakah jumlah sumbangan Kerajaan Negeri kepada Majlis Keselamatan Jalanraya Pulau Pinang bagi tahun 1973?
3. Nyatakan tapak yang dicadangkan bagi pembinaan semula Sekolah Cina yang akan dirobohkan di Sungei Kluang dan jumlah gantirugi yang akan dibayar dan bilakah bangunan-bangunan baru itu akan didirikan dan disiapkan? Adakah pihak-pihak berkuasa sekolah itu berpuas hati dengan bayaran gantirugi dan tapak yang dipilih (jika ada)?
4. Berapakah jumlah hasil yang dipungut dari bayaran-bayaran pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara bagi Tahun 1970, 1971 dan 1972? Berapakah anggaran hasil bagi tahun 1973 memandang kepada kenaikan-kenaikan baru-baru ini?
5. Encik Khor Thean Hong telah memohonkan Lesen Tumpangan Sementara atau untuk memiliki tanah Lot 728 dan 730 Mukim 14, S.P.T. pada tahun 1965 untuk penanaman anggerik dan permohonannya telah ditolak 5 tahun kemudian. Apakah yang telah menyebabkan kelewatan memberi jawapan ini?

Apakah sebab-sebabnya permohonannya ditolak? Apakah sebab-sebabnya tanah-tanah yang sama telah diberi kepada seorang pemohon lain baru-baru ini?

6. Apakah kemajuan yang telah dicapai dalam pengeluaran surat-surat milik kepada pemegang lesen di kawasan Penempatan Semula di Paya Terubung? Mengapakah terdapat kelengahan?

Ketua Menteri:

1. Kira-kira bagi perlumbaan kereta-kereta motor yang ke 4., 1973 belum diselesaikan lagi, tetapi setakat ini sejumlah \$50,000 telah diperuntukkan kepada Jawatankuasa Penganjur.
2. Tidak ada bantuan yang dibuat bagi tahun 1973, tetapi bantuan-bantuan dahulu ialah; tahun 1970 \$500.00, 1971 \$750.00 dan tahun 1972 \$750.00.

Peruntukan bagi pemberian bantuan kepada Majlis Keselamatan Jalanraya Pulau Pinang yang disediakan di dalam Belanjawan 1973 ialah \$1,000.

3. Satu tapak gantian untuk sekolah berkenaan telah dipilih di Batu Maung dengan memuaskan faki Jawatankuasa Sekolah itu. Ganti-rugi berjumlah \$30,000.00 telah ditawarkan untuk bangunan Sekolah dan bayaran akan dibuat tidak lama lagi. Tapak baru ini akan bertempat di kawasan yang teratur dengan semua kemudahan-kemudahan yang sewajarnya.
4. Bayaran untuk cagar, Pemindahan milik dan sebagainya semuanya dikreditkan di bawah bayaran-bayaran Pendaftaran. Hasil yang dipungut di bawah butiran ini bagi 1970 hingga bulan April, 1973 untuk keseluruhan Negeri adalah seperti berikut—

1970	...	...	\$119,588.00
1971	...	...	\$140,514.50
1972	...	...	\$150,703.00

Januari—April, 1973 \$ 91,269.00

Adalah dianggarkan bahawa jumlah hasil yang akan dikutip dari punca ini ialah dalam lingkungan \$300,000.

5. Permohonan daripada Encik Khor Thean Hong terpaksa ditolak oleh kerana Jawatankuasa Kampung telah membantah tanah dalam Kampung Baharu diberi kepada pemohon yang bukan penduduk kampung berkenaan. Kerajaan harus menghormati pandangan-pandangan Jawatankuasa Kampung berkenaan bagi kepentingan Muhibbah. Selepas itu tanah

berkenaan telah diberi dengan pengeluaran Lesen Tumpangan Sementara kepada seorang penduduk dalam Kampung itu dan untuk tujuan menyimpan pasu-pasu bunga orchid sahaja. Kelewatan menguruskan permohonan Encik Khor adalah disebabkan permohonannya itu perlu diperoseskan di berbagai peringkat dan pemeriksaan kesesuaian tapak bagi tujuan yang amat berfaedah.

6. Tidak ada kelengahan dalam pengeluaran suratmilik kepada pemegang-pemegang lesen di kawasan penempatan semula di Paya Terubung. Oleh kerana ini adalah kes-kes pemberian milik tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan, maka pengeluaran surat-surat milik kepada pemegang-pemegang lesen ini akan dibuat selepas mereka telah menjelaskan premium itu dengan sepenuhnya. Pada masa ini, pemegang-pemegang lesen sedang menjelaskan premium ini secara ansuran.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

(I) The Member for Bagan Ajam (Encik Ong Yi How) asks the Chief Minister:

1. How many units of Low Cost Houses the State Government has built in the year of 1969, 1970, 1971, 1972 and 1973 for the District North of S.P.? Please give figures for each year together with the amount of money spent each year for low cost houses in this District.
2. How much has the State Government spent in Flood Alleviation in the District North of S.P. for the year 1969, 1970, 1971, 1972 and 1973? Please give figures for each year.
3. How many experimental Stations have so far been established by the State Government through Penang Development Corporation or otherwise for the development of Mushroom Industries and how much has the State Government spent in each of these Stations? Please also indicate whether or not there are results coming from these Stations and that what are the results.
4. Is it the fact that the State Government intends to build a Bus Station for Butterworth on the site next to the Clock Tower?
5. How many Overseas trips have been taken by the Members of the State Government and the Officials of the Government in the year of 1972 and 1973 and how much have been spent in each of the trips?
6. How much has the State Government spent on the Construction of New Roads and also on the improvement of existing roads in the District North of S.P. in the years from 1969 to 1973? Please give figures for each year.
7. How much has the State Government spent on (i) providing street lights, (ii) providing stand pipes in the District North of S.P. in the years from 1969 to 1973? Please give figures for each year.
8. How many Farmers Associations have been established by the efforts of the State Government in the District North of S.P.?
9. In view of the fact that the Hon. the Chief Minister has stated that there will be 916 units of low cost houses built in 1973, will the Hon. the Chief Minister give the exact locations where these 916 units of low cost houses to be built. Will the Hon. the Chief Minister let the House know how many units are going to be located in the District North of S.P.?
10. How much have the State Government spent from the years of 1969 to the year of 1973 in Community Developments for the District North of S.P., particularly in (i) Village Roads, (ii) Playing Fields, (iii) Jet-ties, (iv) Community Halls, (v) small Bridge, (vi) Stand Pipes, (vii) Village Street Lights, (viii) Village Drainage. Please give figures for each of these projects for each year.
11. Has the State Government ever discussed with the Federal Government as regards to the date of operation of the Free Trade Zones in Penang, and also as regards to the Rule, Bye-Laws, and Regulations governing the operation of these Free Trade Zones? If the answer is yes, will the Hon. the Chief Minister let the House know whether or not there are results arising from the discussion and what are those results?
12. Has the State Government any plans to develop the piece of land situated between the two Government Buildings, namely District Council North, and the District Office? If the answer is yes, will the Hon. the Chief Minister let the House know what are his plans?
13. How much has the State Government contributed to the Pesta Pantai in the years of 1972 and 1973?

Chief Minister:

1. The State Government has built 220 flats and 20 shop units for the District North of Province Wellesley at Mak Mandin Low Cost Housing Scheme in 1969 at a total cost of \$1,406,131.39. Plans for constructing a low cost public housing complex at Kuala Muda area being finalised.
2. The amount spent on flood alleviation in Province Wellesley North is as follows—

1969—			
Desilting of Sungai			
Lahar Tiang	...	\$18,000	
1970—			
Desilting of Sungai			
Tembus	...	\$16,000	
1971	...	Nil	
1972	...	Nil	
1973	...	Nil	
3. Only one experimental station has been established for the development of the Mushroom Industry.

The capital outlay for the station was \$150,000 and through experiments and research carried out at this station, latest techniques for the growing of mushrooms had been achieved. These results form the basis of the promotion of Malaysia

6. The following are the expenditure figures in respect of State roadworks carried out in the North District of Province Wellesley—

<i>Year</i>					<i>Expenditure</i>
1969	...	...	...	...	\$415,821
1970	...	...	...	...	524,742
1971	...	...	...	...	63,342
1972	...	...	...	...	71,631
1973	...	...	...	...	242,130 (anticipated)

Details of expenditure are as follows:
1969—

(a) Construction of Rural Roads—

- | | |
|--|----------|
| (i) Jalan Lahar Tabut/Ptg. Pa'Maras (0.5 mile) | \$30,099 |
| (ii) Kampung Kedah/Sungei Kulim (0.85 mile) | 54,738 |
| (iii) Ptg. To'Gelam/Ptg. Panjang (0.15 mile) ... | 21,724 |

7. In 1972 a sum of \$763.00 was spent for the provision of a stand pipe each at Kampung Baru, Mak Mandin and Jalan Lahar Bubu. There were no expenditure during the years 1969, 1970, 1971 and 1973 (up to April).

Street Lighting is normally provided by the Local Authorities. The amount spent by District Council North, Province Wellesley is as follows:

1969—	\$100,556.29
1970—	\$122,108.51

Food Products Sdn. Bhd., which will be growing mushrooms on a large commercial scale.

4. The State Government does not intend to build a Bus Terminus at the site near the Clock Tower in Butterworth.
5. Members and Officials of the State Government made three Overseas trips in 1972 as follows—

- | |
|--|
| (1) Trip to Indonesia from 20th March 1972 to 3rd April 1972 |
| (2) Trip to Indonesia from 17th April 1972 to 4th May 1972. |
| (3) Trip to Indonesia from 12th November 1972 to 19th November 1972. |

The expenditure incurred during the Overseas Trips in 1972 are as follows—

- | | | |
|---------------|-----|--------------|
| (1) 1st Visit | ... | \$ 12,523.13 |
| (2) 2nd Visit | ... | 4,699.65 |
| (3) 3rd Visit | ... | 557.00 |

Total	...	\$ 17,779.78
-------	-----	--------------

Up to the present time, no Overseas trips have been made by Members of the State Government and the Officials of the Government yet for 1973.

- | | |
|-------|---------------------------------|
| 1971— | \$119,997.32 |
| 1972— | \$135,367.80 |
| 1973— | \$ 45,548.69 (up to April 1973) |
8. Three Farmers' Associations have been established by the State Government in the Northern District of Province Wellesley i.e. Sri Muda established in 1968, Tenaga Murni and Semangat Padi both in 1971.
 9. The State Government is planning to build about 1,000 units at the Bagan Serai Industrial Complex and 300 units at Kuala Muda.

10. The State Government has spent \$109,591.10 on Community Development projects for the Northern District of Province Wellesley from 1969 to 1973. The details of which are attached at Appendix "A".

11. The State Government and the Penang Development Corporation have at all times maintained close contacts with the Federal Government in respect of the operation, implementation and administration of the Free Trade Zones within the State. This is not only necessary but also logical since the Free Trade Zones are established under Federal laws and regulations, i.e. Free Trade Zones Act, 1971.

The successful implementation of the Free Trade Zones at Prai Wharves, Bayan Lepas, Pulau Jerejak and within Prai Industrial Estate are tangible results of the spirit of close co-operation and coordination between the

State Government and the Federal Authority.

12. Yes, when the plans have been completed and ready for implementation.

13. The State Government did not make any direct contribution to the Pesta Pantai in the years 1972 and 1973.

For 1972 funds for the Pesta were acquired in the form of donations from the private sector and prominent people, gate collections and rental of stalls and a contribution of \$1,000.00 from the District Council North, Province Wellesley, totalling \$15,854.48 in all.

Funds left over from the 1972 Pesta Pantai (less donation of \$3,000.00 to the State Goodwill Council Fund) were used to organise the 1973 Pesta in additions from the private sector and prominent people, gate collections and rental of stalls and sites for children's entertainment.

(iv) Jarak Atas/Padang Chempedak (1.20 mile)	\$62,585	\$169,146
(b) Roads and Drains at Mak Mandin Phase II		129,176
(c) Roads and Drains for Low Cost Housing Schemes—		
(i) At Bagan Ajam	46,000	
(ii) At Mak Mandin	44,100	
(iii) At Chain Ferry Road	27,399	117,499
Total ...		<u>415,821</u>

1970—

(a) Rural Roads—

(i) Pokok Machang/Kampung To' Bedu (1.5 miles)	\$ 30,695	\$ 30,695
---	-----------	-----------

(b) Improvements to Jalan Padang Bola (Jalan Club)		10,959
--	--	--------

(c) Roads, Drains and Site Filling at Mak Mandin—

(i) Roads	30,400	
(ii) Site Filling	285,922	
(iii) Drains	132,631	448,953

(d) Jalan di hadapan Kedai Mara		7,175
---------------------------------	--	-------

(e) Roads and Drains for Low Cost Housing Schemes—

(i) At Chain Ferry Road	19,660	
(ii) At Kepala Batas	7,300	26,960

Total ...		<u>524,742</u>
-----------	--	----------------

1971—

(a) Rural Roads—

(i) Jalan Pokok Machang/Kg. To' Bedu (1.5 miles)		\$55,875
--	--	----------

(b) Roads and Drains at Mak Mandin—

Roads	\$5,139	
Drains	2,328	7,467

Total ...		<u>63,342</u>
-----------	--	---------------

1972—

(a) Jalan Pokok Machang/Kg. To' Bedu (1.5 miles)	\$ 3,721
(b) Mak Mandin Access Road	1,110
(c) Cycle tracks and footpaths along Jalan Ptg. Pauh dan Jalan di Mak Mandin	59,400
(d) Jalan Siram, Butterworth	7,400
Total ...	<u>71,631</u>

1973—

Anticipated
Expenditure

(a) Rural Roads (proposed)—

(i) Jalan Pokok Machang/Kg. To' Bedu (1.5 miles)	\$72,230	
(ii) Jalan Masjid Banggol/Ptg. Kerai Kecil (0.58)	20,000	
(iii) Jalan-jalan di Kampung Selamat (10.6)	<u>40,000</u>	\$132,230
(b) Construction of Mak Mandin Access Road		38,890
(c) Cycletracks and footpaths along Jalan Ptg. Pauh and Mak Mandin		<u>71,000</u>
Total ...		<u>242,120</u>

PROJEK-PROJEK KECIL (PEMBANGUNAN MASYARAKAT) TAHUN 1969—1973
KAWASAN SEBERANG PERAI UTARA

1969	\$ c.	\$ c.
1. Membina gelanggang sepakraga di Lahar Kepar Mukim 5 ...	100 00	
2. Membina gelanggang sepakraga di Rantau Panjang Mukim 2	100 00	
3. Penempatan kerusi sebanyak 60 buah untuk kegunaan di Dewan Balai Raya Penaga	360 00	
4. Menambak gelanggang sepakraga jaring Permatang Pak Maras Mukim 4	18 20	
5. Menambak gelanggang sepakraga jaring Bakau Tua Mukim 1	18 20	
6. Menambak gelanggang sepakraga jaring Bukit Mertajam Mukim 1	18 20	
7. Menambak Surau Guar Tuan Syed Mukim 5	20 50	
8. Membina papan palung membuang air ke sawah di Titi Gebar Melintasi Canal 'A'	50 00	
9. Menambak gelanggang sepakraga jaring Permatang Janggus Mukim 2	24 00	
10. Menambak gelanggang sepakraga jaring Permatang To' Labu	24 00	
11. Menambak gelanggang sepakraga jaring di Bagan Tambang, Telok Ayer Tawar	70 00	
12. Menambak gelanggang sepakraga jaring di Permatang Binjai, Kepala Batas	80 00	
13. Menambak gelanggang sepakraga jaring di Lahar Yooi, T.G.	80 00	
14. Menambak gelanggang sepakraga jaring di Permatang Sireh Kepala Batas	70 00	
15. Menambak gelanggang sepakraga jaring di Permatang Bogak, Kepala Batas	70 00	
16. Menambak gelanggang sepakraga jaring Permatang To' Gelam Pekan Darat	140 00	
17. Membina padang-padang permainan dan menguntukkan kemudahan-kemudahan permainan di dalam kawasan-kawasan Luar Bandar, daerah Butterworth	2,498 00	
18. Cleaning the burial ground di Bukit Mertajam	<u>100 00</u>	
		3,841.10

1970

\$ c.

1. Membina titi besar di hadapan Sekolah Kebangsaan Lahar Kepar	1,000 00
2. Membina titi kubota di cabang Sungei Belakang Pekan Penaga di Kampong Jalan Kuala Bekah Lama, Mukim 4	1,000 00
3. Membaiki jalan kampung Paya 'B' Permatang To' Gelam ...	250 00
4. Membaiki jalan Permatang Berangan (Kampung Hj. Mahmud)	150 00
5. Membaiki jalan Permatang Tinggi 'C' ke Kelinik (sambungan)	400 00
6. Membaiki jalan Pinang Tunggal Kawasan China (3 batang jalan)	650 00
7. Membaiki jalan Labu Banting, Sungei Datok	300 00
8. Membaiki jalan Taman Barkat, Penaga, Mukim 4	400 00
9. Membina titi di Parit Ban Besar, Lot 349 Kampong Kota Aur	350 00
10. Membaiki jalan Kampung Baru, Tasek Glugor	300 00
11. Membaiki jalan Kampung dari rumah Zin bin Zakaria ke dalam Kampung Pengkalan Bongor	150 00
12. Membaiki jalan Kampung Permatang Tiga, Ringgit B. Lima	400 00
13. Membaiki jalan Kampung Ketor, Permatang Pauh, Penaga Mukim 4	300 00
14. Membaiki jalan Permatang Manggis (Jalan Gun) T. Glugor	300 00
15. Membaiki jalan dari pejabat Pertanian Bumbung Lima ke Paya China	350 00
16. Membaiki jalan To' Kong Permatang Manggis, Tasek Glugor	150 00
17. Membina titi kecil di Kubang Menerong	450 00
18. Membaiki jalan kecil di belakang Balai lama Kepala Batas ...	450 00
19. Membina titi kecil Kampung Bertam (kawasan China) K. B.	250 00
20. Membaiki jalan Kampung Setol Ujong ke Lembah Raja ...	600 00
21. Membaiki jalan Paya Keladi Ujong ke Pondok Taman Haji Ibrahim	500 00
22. Membaiki jalan Permatang Tinggi Pekan Rabu ke Permatang Tinggi C	500 00
23. Membina titi lalulintas Kampung Kedah Padang Menora ...	300 00
24. Membaiki jalan Kampung Paya Keladi Ujong	370 00
25. Menambun kawasan Masjid Padang Menora	180 00
26. Membaiki jalan ke Chegar	80 00
27. Membaiki jalan Lubok Banting, Padang Menora	300 00
28. Menambun kawasan Masjid Ara Kuda, Tasek Glugor ...	300 00
29. Membaiki jalan Merbau Kudong Sungei Dua	160 00
30. Membina titi Sungei Datok Lubok Banting Mukim 12, Pdg. Menora	1,000 00
31. Membaiki jalan Kampung Telor, Simpang Empat, Permatang Buloh, Mukim LL	300 00
32. Kampong Padang Kunyit—membaiki jalan—Padang Menora	300 00
33. Membaiki jalan Lahar Yooi Tasek Glugor, Mukim 12 ...	300 00
34. Membaiki jalan Pekan Darat ke sawah Permatang Kuching ...	350 00
35. Membaiki jalan dari Bagan Tambang ke rumah murah Teluk Ayer Tawar	500 00
36. Membaiki jalan Bakar Kapor, tepi laut	500 00
37. Membaiki jalan Kuala Bekah ke laut	450 00
38. Membaiki jalan Kampung Datok, Kepala Batas	480 00
39. Membaiki jalan Kampung Permatang Pa' Elong Mukim 4 ...	350 00
40. Membaiki jalan Kampung To' Bedu	850 00
41. Membaiki jalan Ayer Melintas, Tasek Glugor	850 00
42. Membaiki jalan Lahar Tembon, Tasek Glugor	270 00
43. Membaiki jalan Kampung Besar, Tasek Glugor	270 00

	\$	c.	\$	c.
44. Membaiki jalan Lahar Kurus, Tasek Glugor	750	00		
45. Membina titi Paya Keladi di Kepala Batas	350	00		
46. Membina titi Kampung Selamat, Tasek Glugor	500	00		
47. Membaiki jalan Kampung Selamat (Kawasan Cina)	1,500	00		
48. Membaiki jalan ke Permatang Damar—Ban sambungan dari Pusat Pertanian Bumbong Lima	1,480	00		
49. Membina titi ke Permatang Damar dari Estate	800	00		
50. Membaiki jalan Bumbong Lima ke Tanjong Rambai	450	00		
51. Membaiki jalan Kampung Permatang Bertam	270	00		
52. Membaiki jalan Lahar Bubu ke Kampung Permatang Bertam Mukim 8, Kepala Batas	300	00		
53. Membaiki jalan dari Masjid ke hujung Kota Aur	850	00		
54. Membaiki batas ban dari Ekor Kuching ke Lembah Raja	500	00		
55. Membaiki jalan Kampung Bertam (kawasan Cina) K. Batas	1,150	00		
56. Membaiki jalan Ayer Itam luar daripada rumah Che Gu Bakar bin Ali, Tasek Glugor	420	00		
57. Membaiki jalan Sungei Korok, Lahar Yooi, Mukim 13	300	00		
58. Membaiki jalan rumah Murah Penaga	350	00		
59. Membaiki jalan Kampung Selamat Luar arah ke Lot 3, Tasek Glugor	1,150	00		
60. Membaiki jalan Bertam Surua, Kepala Batas	1,150	00		
			29,940	00

1971

1. Membaiki jalan ke Sekolah Ugama Mukim 12 Tasek Glugor	150	00
2. Membaiki jalan Kampung Permatang Berangan	400	00
3. Membaiki jalan ke Sekolah Ugama Rendah, Padang Menora	200	00
4. Membaiki jalan Kampung Jarak Atas	300	00
5. Membaiki jalan Kampung Padang Chempedak, Mukim 13	300	00
6. Membaiki jalan daripada jalan besar Pokok Machang ke Kampung Telok Kebun Getah, Tasek Glugor	550	00
7. Membaiki jalan Pa' Ngah Teh, Permatang Berangan 'A', Tasek Glugor	250	00
8. Membaiki jalan Kampung tepi Sungai Tasek Glugor	1,100	00
9. Membaiki jalan berhampiran Sekolah Menengah PGAS, Pdg. Menora	250	00
10. Membaiki jalan ke arah rumah Haji Salleh, Kepala Batas	150	00
11. Membaiki jalan Lahar Kepar dari Masjid ke hujung kampung Kepala Batas	850	00
12. Membaiki jalan Kampung Merbau Kudong dari jalan raya ke rumah Haji Darus, Mukim 11	150	00
13. Membaiki jalan dari Dewan Orang ramai ke tepi sungai Bakau Tua	700	00
14. Membaiki jalan daripada Madrasah Permatang Tinggi Bakar Bata	600	00
15. Membaiki jalan daripada ban lebah Raja ke Kg. Malek	400	00
16. Membaiki jalan Kampung Baru ke Kampung Simpah Mk. 14	1,900	00
17. Titi lalu lintas Kampung Lembah, Jarak Atas	500	00
18. Titi kayu Jalan Jarak Atas ke Guar Petai Mukim 13	800	00
19. Membina titi parit di hadapan Mesjid Jarak Atas	350	00
20. Titi lalulintas di Parit JPT Ponsu Seribu	350	00
21. Membina titi ke Kampung Pulau Ayer Itam, Mukim 11	500	00
22. Titi lalulintas Sungei Korok ke Lahar Yooi Mukim 11	200	00
23. Membina titi di Parit Gila Permatang To' Labu Mukim 1	100	00

1972	\$	c.	\$	c.
1. Membaiki jalan Kampung Guar Petai Mukim 13 T. Glugor	400	00		
2. Membaiki jalan Kampung Haji Yahya Md. Isa, Kg. Baru ...	250	00		
3. Membaiki jalan dari Kampung Baru ke Kampung To' Jaya Mukim 13	600	00		
4. Membaiki jalan dari Permatang Janggus ke Kampung Lembah	700	00		
5. Membaiki jalan Kampung Rantau Panjang, Mukim 2 ...	150	00		
6. Membaiki jalan Kampung Gelong Bubu Teluk Ayer Tawar ...	275	00		
7. Membaiki jalan Kampung melalui Lot 100 dan Lot 99 Mk. 7 Bagan Tambang	1,250	00		
8. Membaiki jalan Kampung Simpah (Kawasan China) Mk. 14	1,350	00		
9. Membaiki jalan Bagan Dalam, Mukim 15	250	00		
10. Membaiki jalan dari Paya Keladi Tengah	350	00		
11. Menambak Parit Gila Bumbong Lima Lot 756	350	00		
12. Menambun kawasan Madrasah Paya Keladi Tengah	200	00		
13. Membaiki jalan dalam Kampung Tasek (Kawasan China dan Melayu)	500	00		
14. Menambun kawasan surau Pengkalan Bongor, Mukim 2 ...	125	00		
15. Membaiki jalan ke bendang Permatang Manggis Mukim 8 ...	800	00		
16. Membaiki ban lama Kampung To' Bedor	1,500	00		
17. Membaiki jalan Kampung Bonggol, Mukim 8	800	00		
18. Membaiki Batas ban Pantai Kamlon ke Lahar Tiang	1,000	00		
19. Menambun kawasan surau Kampung Baru Mukim 13 ...	150	00		
20. Menambun kawasan surau Lubok Banting Mukim 13 ...	150	00		
21. Membaiki jalan di hadapan rumah Chegu Ibrahim Pokok Sena	400	00		
22. Membaiki jalan Mukim 11 Permatang Rambai Mukim 4 K.B.	300	00		
23. Menambun kawasan mesjid dan jalan masuk Pantai Kamlon	1,000	00		
24. Membaiki jalan Permatang Panjang/Permatang Tok Gelam ...	800	00		
25. Menambun kawasan mesjid Bumbong Lima dan jalan ke tanah lembah dekat rumah Awang Ishak	500	00		
26. Membaiki jalan Kampung Besar sambung hingga ke rumah Saad	400	00		
27. Membaiki jalan Kubang Menerong	500	00		
28. Membaiki batas ban di batas-batas taliair kecil Ptg. Rawa ...	400	00		
29. Membaiki jalan dari mesjid ke perkampungan Kuala Muda ...	300	00		
30. Menambun tanah perkuburan orang Islam Pulau Mertajam	300	00		
31. Membaiki jalan ke Ban, Permatang Buloh Mukim 8	350	00		
32. Membaiki jalan ke bendang Permatang Bogak	250	00		
33. Membaiki jalan dari Lot 150 Permatang Tok Beraim ...	500	00		
34. Membaiki jalan di Lorong antara dalam pekan hingga jalan belakang Kepala Batas	150	00		
35. Membina titi dari Kampung Petai ke dalam Estate	800	00		
36. Membina titi Kampung Lubok Banting ke Kg. To' Lalang	850	00		
37. Membina titi di atas Ban Taliair dalam Kampung Padang, Padang Menora	500	00		
38. Membina titi di Parit Buang air di Rancangan Perumahan Murah Penaga	500	00		
39. Membina titi di ban taliair Kampung Lembah Panjang ...	500	00		
40. Projek gotongroyong di kawasan Kuala Muda	200	00		
			20,650	00
1973				
1. Membaiki batas Ban di Pintu Ban Penaga ke tepi laut ...	950	00		
2. Membina titi dari Kampung Tasek ke Sungei Korok ...	550	00		
3. Mengganti titi di parit J.P.T. di Telok Ayer Tawar	700	00		
4. Membina titi kayu di Taliair Besar Pasir Gebu	300	00		
5. Membina titi di Sungei Mati dari Kubang Menerong/Kg. Tasek dekat rumah Khamis	1,200	00		

	\$ c.	\$ c.
6. Membina jalan simen dari parit Lahar Kepar ke Ptg. Kuang	550 00	
7. Membaiki jalan ke Kampung Chegar, Padang Menora ...	400 00	
8. Membaiki jalan Nyior Sebatang 'B' Mukim 11 ...	200 00	
9. Membaiki jalan Permatang Kerai/Kg. Haji Md. Amin Mk. II	400 00	
10. Membaiki jalan Permatang Kerai Besar, Mukim 11/Kampung Haji Yahaya ...	400 00	
11. Membaiki jalan sambungan dari Masjid Lahar Tembun hingga bendang Sungei Kreh ...	400 00	
12. Membaiki jalan Sungei Korok Mukim 12 ...	250 00	
13. Membaiki jalan daripada ban taliair Permatang Sintok ke Sekoah Kebangsaan Permatang Sintok ...	250 00	
14. Membaiki jalan-jalan dalam Kampung Selamat, Tasek Glugor	1,500 00	
15. Mengganti titi di Kampung Tengah/Kampung To' Bedor ...	600 00	
16. Membaiki jalan dari hujung jalan Sekolah Pertanian Bumbong Lima sampai ke titi To' Didek Permatang Damar ...	400 00	
17. Membaiki jalan Kg. Simpah ke Mak Mandin, Mukim 14 ...	1,100 00	
18. Membina gelanggang sepakraga jaring di Kampung Guar Petai	500 00	
19. Membaiki 2 batang jalan kawasan China Kg. Lahar Bubu ...	800 00	
20. Membina jalan Kampung Nyior Sebatang ke Pulau Ayer Itam	400 00	
21. Membaiki jalan Sungei Korok Mukim 11 ...	400 00	
22. Membaiki jalan di Kampung Pengkalan Bongor ...	250 00	
